

06 NOV 1999

Gus-Hubungan

INDONESIA MAHU JALIN HUBUNGAN LEBIH RAPAT DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Indonesia mahu menjalin hubungan dua hala yang lebih rapat dengan Malaysia kerana yakin perkara itu boleh menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Kedua-dua negara turut menegaskan sekali lagi mengenai dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman masing-masing, katanya kepada pemberita mengenai hasil perjumpaan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, di sini.

Abdurrahman bersama delegasi 40 anggota tiba di sini untuk lawatan kerja dua hari sebagai sebahagian daripada kunjungan suai kenal ke lapan negara Asia Tenggara bermula dengan Singapura.

Memakai sut kelabu, Abdurrahman dilihat dipapah oleh anak perempuannya, Inayah Wulandari ke hotel tempat beliau menginap untuk malam ini. Beliau diiringi isterinya Sinta Nuriyah dan seorang lagi anak perempuannya Zanuba Arifah Chefsoh.

Terdahulu, Abdurrahman menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aiz Shah di Istana Negara.

Syed Hamid berkata perjumpaan antara Dr Mahathir dan Abdurrahman adalah mesra, dengan kedua-duanya bertukar-tukar fikiran secara terus terang dan terbuka.

"Malahan, Dr Mahathir dan Abdurrahman telah bersetuju untuk mengadakan semula perjumpaan lebih kerap antara kedua-dua pemimpin kedua-dua negara bagi membolehkan mereka bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai perkara," katanya.

Ditanya sama ada isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ditimbulkan pada perjumpaan itu berikutan Abdulrrahman dilaporkan adalah kawan rapat Anwar, Syed Hamid berkata:

"Saya rasa Presiden Abdurrahman telah menegaskan bahawa beliau adalah Presiden Indonesia. Beliau adalah kerajaan dan beliau tahu bertindak cara yang sepatutnya seorang pemimpin itu patut bertindak," katanya.

"Kita mesti bezakan orang yang berada di luar kerajaan dan orang yang telah menjadi pemimpin sebuah kerajaan," katanya.

Syed Hamid berkata beliau percaya bahawa Presiden Abdurrahman telah menegaskan bahawa beliau berurusan dengan Malaysia menerusi kerajaan Malaysia dan orang hubungannya ialah Dr Mahathir sebagai rakan sejawatannya di Malaysia.

"Selain daripada itu beliau tidak akan berbuat sesuatu yang tidak sepatutnya," katanya.

Mengenai Aceh, beliau berkata Indonesia telah meminta bantuan Malaysia untuk mencari penyelesaian kepada masalah Aceh.

"Indonesia mahu tahu cara yang Malaysia boleh bantu untuk mencapai kedamaian di Aceh," katanya.

--BERNAMA

ara abg rhm